

26 NOV 2001

DR MAHATHIR ADAKAN MAJLIS BERBUKA PUASA

PUTRAJAYA, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan majlis berbuka puasa bersama pelbagai lapisan masyarakat di kediamannya di Seri Perdana di sini.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet itu turut dihadiri isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebanyak 262 jemputan diundang menghadiri majlis berbuka puasa itu termasuk menteri kabinet, timbalan menteri, tokoh korporat, wakil media, serta pemimpin pertubuhan penjaja dan kesatuan sekerja.

Majlis tahlil untuk Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mangkat pada Rabu lepas, turut diadakan sebaik selesai sembahyang fardhu Maghrib.

Dr Mahathir kemudian menunaikan sembahyang Isya dan sunat Taraweh bersama para jemputan lain dengan dipimpin Imam Besar Masjid Ibnu Has, Kaherah, Mesir, Sheikh Muhammad Gibril.

-- BERNAMA
RZS RZS FAZ